

Tauge antara hidangan sayur yang sesuai dimakan ketika makan tengah hari atau malam, namun sering dilihat sebagai hidangan yang langsung tidak menyelerakan sedangkan hakikatnya tauge kaya dengan pelbagai khasiat.

Tergolong dalam keluarga Fabaceae, kajian saintis mendapati ia mempunyai ciri antikanser dan antiradang berdasarkan keupayaan ekstraknya menentang bakteria seperti methicilline-resistant *Staphylococcus aureus* (MRSA), *Escherichia coli* serta kulat *Trichophyton rubrum* dan *Trichoderma harzianum* yang dikaitkan dengan penyakit kanser servik dan hati.

Dapatan kajian itu diperolehi sekumpulan penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) diketuai Timbalan Dekan (Pengurusan Sumber) FSTM, Prof Dr Fatimah Abu Bakar.

Prof Fatimah berkata, metanol digunakan sebagai pelarut organik bagi mengekstrak komponen aktif antikanser dan antiradang pada tauge dan berdasarkan hasil ujian, ekstrak berkenaan didapati mampu menghasilkan aktiviti antimikrob bagi menentang bakteria serta kulat berkenaan.

Alternatif rawatan

“Hasil penyelidikan ini mampu dimanfaatkan dunia perubatan sebagai terapi perubatan alternatif menggunakan sumber alam semula jadi selain membantu proses rawatan peruba-

tan awal pesakit kanser.

“Ia juga boleh berfungsi sebagai agen antikanser tunggal atau digunakan bersama terapi antikanser lain, malah kadar penyembuhan penggunaan ekstrak ini ke atas serangan kumpulan

bakteria dan kulat juga sebanding dengan penggunaan dadah sintetik,” katanya.

Beliau berkata, dadah ribavirin dan acyclovir antara dadah yang sering digunakan dalam rawatan pesakit kanser dan lebih



Fatimah menunjukkan dapatan penyelidikan terhadap tauge.

Tauge bantu rawatan kanser

mahal selain mempunyai kesan jangka panjang dan berisiko.

Sehubungan itu, katanya, kejayaan penyelidikan ini memanfaatkan sumber alam memberi pembaharuan kepada dunia perubatan khususnya dalam merawat penyakit kritikal sekali gus mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada dadah komersial atau sintetik.

“Penggunaan ekstrak

tauge dalam dunia perubatan lebih murah dan berkesan berbanding dadah sedia ada dan saya yakin potensi untuk mengembangkannya cukup luas kerana tauge mudah didapati di banyak negara,” katanya.

Prof Fatimah berkata, penyelidikan susulan akan dilakukan termasuk ujian klinikal dengan kerjasama Fakulti Perubatan bagi membolehkan hasil kajian dimanfaatkan secara lebih berkesan ke atas pesakit.



HASIL PENYELIDIKAN INI MAMPU DIMANFAATKAN DUNIA PERUBATAN SEBAGAI TERAPI PERUBATAN ALTERNATIF MENGGUNAKAN SUMBER ALAM SEMULA JADI SELAIN MEMBANTU PROSES RAWATAN PERUBATAN AWAL PESAKIT KANSER”

Prof Dr Fatimah Abu Bakar,
Timbalan Dekan (Pengurusan Sumber) FSTM,